

01 SEP 2001

Mahathir-Sekolah

KERAJAAN KAJI PERKETAT UNDANG-UNDANG AWASI SEKOLAH AGAMA

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji memperketatkan undang-undang untuk menghalang sekolah agama swasta daripada menggunakan agama dalam menarik pelajar ke sekolah berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kini terdapat golongan yang menarik pelajar ke sekolah agama swasta mereka dengan menggunakan isu agama sedang tujuan mereka hanyalah untuk menambah pendapatan.

Golongan ini memberikan gambaran bahawa perpindahan yang dilakukan para pelajar dari sekolah kerajaan yang percuma kepada sekolah agama swasta yang berbayar adalah satu ibadah, katanya pada persidangan media selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu pertama anjuran Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin di sini hari ini.

"... ini (yang) menjadi masalah...orang terpengaruh dengan pendapat yang mereka membuat sesuatu yang baik untuk agama di dunia ini," kata beliau.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir berkata statistik Kementerian Pendidikan mendapati 30 peratus daripada murid sekolah rendah tidak meneruskan pelajaran mereka ke sekolah menengah kerajaan dan hampir kesemua daripada mereka adalah pelajar lelaki Melayu.

Perdana Menteri berkata kemungkinan para pelajar ini berpindah ke sekolah agama swasta yang turut menyediakan kurikulum kebangsaan tetapi kemudahan di sekolah-sekolah swasta itu tidak mencukupi, dengan bangunan yang biasanya daif dan ramai daripada gurunya tidak terlatih.

Beliau berkata kemungkinan pelajar-pelajar ini meninggalkan kemudahan yang cukup lengkap disediakan kerajaan untuk belajar di sekolah swasta yang serba kekurangan itu serta sanggup membayar yuran, semata-mata kerana ingin belajar agama.

Malangnya perkara yang disampaikan di sekolah-sekolah itu tidak tertumpu kepada agama Islam, kebanyakan mereka hanya belajar tentang ketidakIslamannya kerajaan, katanya.

Dr Mahathir berkata: "Hampir semua daripada mereka menyertai politik pembangkang. Mereka dikawal supaya tidak terdedah kepada penjelasan oleh kerajaan.

" Pengetahuan mereka dalam bidang agama sebenarnya cetek, tidak seperti pelajar agama dahulu yang menguasai ilmu agama yang sebenar," katanya.

Perdana Menteri berkata ada pihak tertentu yang tidak senang melihat pelajar Melayu belajar ilmu lain selain daripada agama, dan mungkin pihak ini ingin mempengaruhi para pelajar itu untuk kepentingan mereka.

"Jika orang Melayu menjadi mundur dan rosak terus, ini tidak mengapa (kepada pihak berkenaan) kerana (yang lebih utama) kepentingan mereka ini tercapai," katanya.

Ditanya mengenai cadangan mengadakan kontrak akujanji bagi guru-guru sekolah kerajaan yang telah ditolak Cuepacs baru-baru ini, Dr Mahathir berkata kontrak itu perlu bagi memastikan wujudnya disiplin dalam perkhidmatan perguruan.

Dalam sesuatu organisasi, jika tidak ada disiplin, maksud pengwujudan organisasi itu tidak akan tercapai, katanya.

Beliau menarik perhatian kepada sistem perkhidmatan awam sekarang yang mendapati sukar untuk menyingkirkan kakitangan kerajaan kerana prosesnya yang panjang dan mereka boleh membuat rayuan ke mahkamah di atas tindakan yang diambil.

Contohnya kes guru tertentu yang didapati bersalah menyelitkan isu politik dalam kertas soalan peperiksaan sekolahnya dan guru itu boleh mentertawakan kerajaan kerana hanya mampu mengambil tindakan menukarnya ke sekolah lain dan guru itu masih boleh meneruskan kegiatan negatifnya itu.

Dr Mahathir berkata dahulu tidak ada masalah kerana bilangan orang yang bekerja dengan kerajaan kecil dan harapan orang Melayu untuk mendapatkan pekerjaan hanya dengan kerajaan dan mereka cukup berdisiplin.

Sekarang didapati disiplin sudah berkurangan walaupun majoriti kakitangan kerajaan masih boleh memberikan perkhidmatan baik tetapi kerana nila setitik rosak susu sebelanga, katanya.

Perdana Menteri berkata perbincangan dengan Cuepacs perlu diadakan bagi memastikan tujuan kontrak akujanji itu dapat diterima.

Cuepacs pada 19 Ogos lepas menolak cadangan itu kerana berpendapat peraturan pegawai awam dan tatatertib 1993 memadai.

-- BERNAMA

HK ES RON